

U B426 AAB  
MAHATHIR - PENDIDIKAN

KLANG, 26 OGOS (BERNAMA) -- KERAJAAN TERPAKSA MEMBUAT DASAR SENDIRI MENGENAI AKTA PENDIDIKAN KEBANGSAAN JIKA WAKIL-WAKIL PARTI PEMBANGKANG ENGGAN MENYERTAI MAJLIS PERUNDING AKTA ITU, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERKATA, DENGAN MENJEMPUT PEMBANGKANG MENYERTAI MAJLIS PERUNDING AKTA PENDIDIKAN, KERAJAAN MEMBERI PELUANG KEPADA MEREKA YANG SELALU MENKRITIK KERAJAAN BAGI MENGEMUKAKAN PENDAPAT.

KATANYA, JIKA MEREKA MENGULANGI TAKTIK YANG SAMA SEMASA DALAM MAJLIS PERUNDING EKONOMI NEGARA (MAPEN) YANG MENGAKIBATKANNYA GAGAL MENCAPAI KATA SEPAKAT, SATU DASAR PERLU DIGUBAL UNTUK MENJAGA KEPENTINGAN ORANG RAMAI.

+UNTUK MEREKA KELUAR DARIPADA MAJLIS DAN MENYATAKAN MEREKA TIDAK DAPAT MENERIMA PENDAPAT KERAJAAN MEMANGLAH MUDAH= SOALNYA APAKAH PENDAPAT MEREKA BOLEH DITERIMA PULA OLEH ORANG LAIN?+ KATA PERDANA MENTERI KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN BANGUNAN BARU SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) PIN HWA (PERSENDIRIAN) DI SINI.

KATANYA KERAJAAN TIDAK DAPAT MENERIMA PANDANGAN DARIPADA GOLONGAN MINORITI YANG KETERLALUAN DALAM SESUATU PERUNDINGAN KERANA DALAM AMALAN DEMOKRASI, PIHAK MINORITI PERLU MENERIMA PENDAPAT MAJORITI. -- LAGI

2006MST 26 08 90

U B427 AAB  
MAHATHIR - PENDIDIKAN 2 KLANG

+KERANA PENDAPAT MEREKA DALAM MAPEN TIDAK DITERIMA, MEREKA MENGAMBIL KEPUTUSAN MEMASUKI PARTI DAP,+ KATANYA, MERUJUK KEPADA 27 ORANG PEMIMPIN CINA YANG MENYERTAI DAP BARU-BARU INI.

+SAYA HARAP RAKYAT TIDAK AKAN MENYOKONG ORANG EKSTRIMIS MACAM INI SAMA ADA MEREKA MELAYU, CINA ATAU INDIA KERANA KALAU MEREKA DIBERI TEMPAT, MEREKA AKAN BERKELAHI SESAMA MEREKA DAN NEGARA TIDAK AKAN AMAN,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MAHU MENYELESAIKAN SECEPAT MUNGKIN PENCAPAIAN KATA SEPAKAT BERKAITAN DENGAN AKTA PENDIDIKAN WALAUPUN IA TIDAK MENETAPKAN SATU TARIKH TERTENTU.

DITANYA SAMA ADA KERAJAAN AKAN MENGIKTIRAF KELULUSAN DARI SEKOLAH PERSENDIRIAN CINA, BELIAU BERKATA PERKARA ITU JUGA PERLU DITENTUKAN OLEH MAJLIS PERUNDING ITU.

+KITA SEDANG MEMBINA SATU SISTEM PELAJARAN KEBANGSAAN...UNTUK MENGADAKAN SATU SISTEM KEBANGSAAN, IA MESTI MENDAPAT PERSETUJUAN SEMUA PIHAK DAN BUKANNYA CUMA SATU PIHAK SAJA. KALAU SEMUA ANGGOTA MAJLIS BERSETUJU, KITA AKAN MENUNGGU PENDAPAT MEREKA,+ KATANYA. - LAGI

2008MST 26 08 90

U B428 AAB  
MAHATHIR - PENDIDIKAN 3 KLANG

DALAM UCAPANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA AKAN LEBIH MUDAH MENCAPAI TAHAP NEGARA MAJU SEPERTI NEGARA-NEGARA DI EROPAH JIKA IA TERUS DITADBIRKAN OLEH GOLONGAN YANG BERSIKAP SEDERHANA DAN BUKAN CHAUVINIS.

KATANYA, GENERASI MUDA AKAN MEMPUNYAI MASA DEPAN YANG LEBIH TERJAMIN JIKA KESEMUA ANGGOTA MASYARAKAT CINA, INDIA DAN MELAYU MENGAMALKAN SEMANGAT KESEDERHANAAN DALAM KERJASAMA.

PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH PENTING, UMPAMANYA BAGI PARA PELAJAR DI SEKOLAH-SEKOLAH YANG HANYA MENGGUNAKAN ALIRAN BAHASA MELAYU DIGALAKKAN BERHUBUNGAN RAPAT DENGAN MEREKA YANG HANYA DI SEKOLAH ALIRAN CINA ATAU INDIA, BAGI MEMUDAHKAN MEREKA MENYESUAIKAN DIRI DAN BERINTERAKSI DALAM MASYARAKAT PELBAGAI KAUM SELEPAS MEREKA TAMAT PERSEKOLAHAN.

+MURID-MURID DI SEKOLAH KEBANGSAAN PERLU BERKAWAN RAPAT DENGAN MURID-MURID DI SEKOLAH CINA DAN TAMIL, JIKA TIDAK, MEREKA AKAN MEMPUNYAI RASA PRASANGKA ANTARA SATU SAMA LAIN,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN MENGHAPUSKAN PENDIDIKAN CINA, MALAH SANGGUP MEMBERI BANTUAN DAN SOKONGAN PADA TEMPAT-TEMPAT TERTENTU. -- LAGI  
2028MST 26 08 90

U B429 AAB  
MAHATHIR - PENDIDIKAN 4 KLANG

KATANYA, TIDAK BANYAK NEGARA DI RANTAU INI YANG MEMBENARKAN SEKOLAH-SEKOLAHNYA MENGGUNAKAN BAHASA SENDIRI, SEPERTI DI MALAYSIA, YANG MEMBENARKAN SEKOLAH-SEKOLAHNYA MENGGUNAKAN BAHASA IBUNDA UNTUK MENJADI BAHASA PENGANTAR.

PERDANA MENTERI BERKATA SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH CINA DI MALAYSIA DIBERI BANTUAN PENUH OLEH KERAJAAN MANAKALA SEKOLAH MENENGAH, WALAUPUN TIDAK MENERIMA BANTUAN, DIBENARKAN MENGGUNAKAN BAHASA MEREKA.

+TUDUHAN YANG KERAJAAN MENDISKRIMINASI KAUM-KAUM TERJENTU ADALAH TIDAK BERASAS,+ KATANYA.

PADA MAJLIS ITU, PERDANA MENTERI JUGA MENGUMUMKAN BANTUAN \$100,000 KEPADA SEKOLAH ITU UNTUK MEMBINA DEWAN. SEKOLAH ITU DAN TIGA SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH PERSENDIRIAN CINA SEBELUM ITU TELAH MENERIMA BANTUAN \$200,000 DARIPADA KERAJAAN NEGERI SELANGOR UNTUK MELENGKAPKAN KEPERLUAN PENDIDIKAN MASING-MASING.

SEBELUM ITU, KIRA-KIRA 200 PENUNGGANG MOTOSIKAL TERDIRI DARIPADA ANGGOTA PEMUDA MCA MENGIRINGI ROMBONGAN DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH SEJAUH 2 KM DARI BULATAN BERKELEY KE PERSIMPANGAN JALAN GOH HOCK HUAT DAN JALAN NENAS.

SETIBANYA DI PERSIMPANGAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR DISAMBUT OLEH MENTERI BESAR TAN SRI MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD, MENTERI KESIHATAN ENCIK NG CHENG KIAT YANG JUGA ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN KLANG, DAN PARA PEMIMPIN MASYARAKAT. -- BERNAMA  
2038MST 26 08 90